

**Majlis Mesyuarat disambung  
semula pada pukul 2.30 petang**

**Yang Berhormat Yang Di-Pertua:**  
 ﷺ  
 Ahli-Ahli Yang Berhormat kita masih lagi membincangkan dan membahaskan Rang Undang-Undang (2017) Perbekalan, 2017/2018 yang telah pun dicadangkan oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan II (Kedua). Kita telah pun membincangkannya dalam Jawatankuasa sepenuhnya. Maka bagi membolehkan kita menyambung semula Mesyuarat di Peringkat Jawatankuasa saya tangguhkan Persidangan Majlis Mesyuarat Negara ini.

**(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)**

**(Mesyuarat bersidang sebagai  
Jawatankuasa)**

**Yang Berhormat Pengerusi:** ﷺ Ahli-Ahli Yang Berhormat, sekarang majlis ini bersidang di Peringkat Jawatankuasa sepenuhnya bagi menimbangkan Rang Undang-Undang (2017) Perbekalan, 2017/2018 satu persatu. Mesyuarat Jawatankuasa yang kita adakan pada pagi tadi telah meluluskan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri. Sekarang kita berpindah pula ke Tajuk yang seterusnya.

**Yang Mulia Timbalan Jurutulis:** Tajuk SF01A - Kementerian Pendidikan.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Ahli-Ahli Yang Berhormat, kita sekarang mula membincangkan dan meneliti

Belanjawan Kementerian Pendidikan. Sebelum Tajuk ini saya buka untuk dibahaskan, saya ingin memberi kesempatan kepada Yang Berhormat Menteri Pendidikan untuk menyampaikan ucapan pendahuluan atau mukadimahnya mengenai dengan Belanjawan Kementeriannya. Silakan Yang Berhormat.

**Yang Berhormat Menteri  
Pendidikan:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ  
 بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ  
 الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ  
 وَالْمُرْسَلِينَ، سَلَّمَ اللَّهُ عَلَى مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَاحْبِهِ أَجْمَعِينَ

Yang Berhormat Pengerusi. Kaola lebih dahulu mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Pengerusi kerana telah memberikan kesempatan kepada kaola untuk memberikan penerangan mengenai tujuan dan fokus utama Kementerian Pendidikan bagi Tahun Kewangan 2017/2018. Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Sebelum Tajuk ini dibincangkan kaola bagi pihak Kementerian Pendidikan ingin mengucapkan terima kasih yang setinggi-tingginya kepada Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang telah menyediakan peruntukan kepada Kementerian Pendidikan bagi Tahun Kewangan 2017/2018. Kementerian Pendidikan menyokong penuh tema perbelanjaan Tahun Kewangan 2017/2018 iaitu "Belanjawan

Seimbang Bagi Mendukung Pertumbuhan Ekonomi Yang Mapan (*Sustainable*).”

Di kesempatan ini, kaola bagi pihak Kementerian Pendidikan mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di atas kepercayaan dan sokongan dalam memperuntukan sebanyak \$666,577,470.00 bagi Perbelanjaan Tahun Kewangan 2017/2018.

Di bawah Tajuk Kementerian Pendidikan ini sejumlah \$498,791,490.00 disediakan untuk Gaji Kakitangan sementara \$167,785,980.00 untuk Perbelanjaan Berulang-Ulang dan Perbelanjaan Kemajuan sebanyak \$19,824,340.00.

Demi menjunjung titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di Istiadat Pembukaan Rasmi Persidangan Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Ketiga Belas Majlis Mesyuarat Negara yang lalu, Kementerian Pendidikan akan memastikan segala perancangannya adalah *actionable* dan realistik serta *cost effective* agar semua isu dapat ditangani secara berkesan dalam mengambil pendekatan (*delivery approach*) untuk mencapai hasil yang dihasratkan.

إِنَّمَا كementerian Pendidikan akan berusaha dengan gigih dalam memastikan Peruntukan ini akan digunakan dengan sebaiknya di samping juga mengambil sikap berhemah

dalam berbelanja mengikut keperluan dan keutamaan seperti yang dihasratkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Kementerian Pendidikan sebagai agensi peneraju dalam membangun serta membentuk sumber tenaga manusia akan terus mendukung hasrat untuk merealisasikan Wawasan Negara 2035 khususnya dalam menghasilkan rakyat yang berpendidikan dan berkemahiran tinggi. Kementerian Pendidikan telah memperkenalkan Sistem Pendidikan Negara Abad Ke-21 ataupun SPN 21. SPN 21 ini dirangka dengan hasrat untuk melengkapkan rakyat negara ini dengan ilmu, kemahiran dan sikap serta nilai yang lebih sesuai bagi menghadapi kehendak dan keperluan abad ini.

SPN 21 sekarang telah pun memasuki tahun ke-8 pelaksanaannya dan telah melakar perubahan ataupun pencapaian-pencapaian positif seperti antaralain terbukanya peluang pilihan laluan dan akses pendidikan (*multiple pathways*), pemantapan pendidikan teknikal dan vokasional, penubuhan *Teacher's Academy* untuk meningkatkan profesionalisme guru-guru dan tenaga pengajar. Pelaksanaan *Brunei Teachers Standard* (BTS), pelaksanaan *Literacy* dan *Numeracy Standard* menambah baik ekosistem dan prasarana sekolah yang mendukung pelaksanaan pengajaran pembelajaran abad ke-21 serta penambahanbaikan sistem penilaian dan sebagainya.

Bagi merealisasikan SPN 21 ini Kementerian Pendidikan telah dari masa ke semasa merangka perancangan strategik yang mengandungi beberapa inisiatif dalam 5 bidang utama yang memiliki petunjuk prestasi utama (*key performance indicators – KPI*) dan sasaran masing-masing. Bidang-bidang tersebut ialah:-

1. Kualiti guru;
2. Kualiti sekolah dan institusi pengajian;
3. Pencapaian dan kejayaan pelajar;
4. Penyertaan dalam pendidikan; dan
5. Kualiti pendidikan pasca menengah.

Selain dari bidang-bidang utama ini Kementerian Pendidikan juga turut merangka rancangan penambahbaikan dalam bidang-bidang berikut iaitu:-

1. Perkembangan profesional di setiap peringkat;
2. Kualiti kepimpinan di setiap peringkat;
3. Kualiti pengajaran dan pembelajaran; dan
4. Penekanan terhadap kesihatan, kawalan keselamatan alam sekitar di setiap peringkat.

Ke arah melahirkan tenaga kerja yang mampu menyampaikan kualiti holistik bagi menghasilkan pelajar-pelajar

yang berjaya yang akan memenuhi permintaan pembangunan negara yang dinamik dan mapan. Kementerian Pendidikan giat melaksanakan pembangunan profesional berterusan melalui Akademi Guru Brunei Darussalam *Teachers Academy* ataupun (*BDTA*). Inisiatif ini bertujuan meningkatkan pengetahuan dan kemahiran guru ke arah memperkayakan pelajar dengan ilmu dan kemahiran abad ke-21. Sebuah rangka kerja pembangunan profesional guru-guru (*Teachers professional development Framework*) juga dilaksanakan sebagai program perkembangan profesional guru secara lebih sistematis untuk mewujudkan dan menambah keberkesanan usaha pembangunan *professional learning communities* dalam kalangan guru dan pemimpin sekolah.

Program pembimbing literasi dan numerasi (*literacy and numeracy coaching program*) adalah satu inisiatif untuk menghasilkan peningkatan sistematis ataupun peningkatan sistemik dalam kualiti pengajaran, pembelajaran literasi dan numerasi di sekolah-sekolah. Inisiatif ini mendapatkan khidmat pakar-pakar perkembangan profesional dan juga pakar-pakar pengajaran dan pembelajaran literasi dan numerasi sebagai ejen perubahan utama.

Objektif utamanya ialah bagi menghasilkan pengajaran Bahasa Inggeris, Mathematic yang berkualiti dan menggunakan amalan-amalan pedagogi terbaik secara effektif bagi melahirkan pelajar-pelajar yang

mempunyai kemahiran numerasi dan literasi yang tinggi.

Kementerian Pendidikan bersama dengan Kementerian Hal Ehwal Ugama telah membentuk Piawaian Sekolah (*School Standard*) untuk memastikan persekitaran pembelajaran yang tinggi yang menyokong kecemerlangan dan pengajaran dan pembelajaran dengan memastikan pembangunan yang sistemik dan seimbang.

Melalui Piawaian Sekolah ini berbagai-bagai kaedah akan dapat diusahakan oleh pihak sekolah bagi menambah baik keberkesanannya sekolah dalam menjalankan strategi-strategi yang dapat meningkatkan kualiti pengajaran dan pembelajaran dan meningkatkan kualiti sumber tenaga manusia di sekolah tersebut.

Yang Berhormat Pengurus dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. ﷺ atas kepimpinan kebijaksanaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam. Negara Brunei Darussalam masih mampu untuk menggerakkan jentera-jentera kerajaan bagi memastikan perancangan pembangunan negara diteruskan demi menjamin kemajuan dan juga memastikan kesejahteraan hidup rakyat dan penduduk di negara ini terus dapat dinikmati.

Kita seharusnya memanjatkan rasa syukur kerana kemudahan-kemudahan yang dihulurkan kepada pelajar-pelajar masih terus dapat disediakan antaranya

perkhidmatan pendidikan, perkhidmatan pengangkutan bas, kemudahan rancangan makanan sekolah, kemudahan asrama, pemberian biasiswa dalam dan luar negeri termasuk juga Skim Bantuan Miftahun Najah bagi pelajar-pelajar daripada keluarga kurang berkemampuan dan sebagainya.

Dengan peruntukan yang ada ini, Kementerian Pendidikan akan terus berusaha gigih untuk meningkatkan kualiti dan produktiviti perkhidmatan pendidikan melalui pelbagai inisiatif dan pada masa yang sama mengoptimumkan sumber-sumber yang ada. Langkah penjimatan ini adalah peluang yang baik untuk Kementerian Pendidikan meneliti semula perbelanjaan bagi mengelakkan pembaziran dan perkhidmatan yang tidak produktif atau yang tidak menghasilkan nilai kepada perbelanjaan yang tidak digunakan (*not value for money*).

Kementerian Pendidikan juga menyedari akan betapa pentingnya dalam merenung kembali dan menilai usaha-usaha yang telah dilaksanakan selama ini. Melalui proses muhasabah diri ini (*self reflection*) adalah disedari inisiatif-inisiatif yang diungkayahkan tidak kesemuanya mendatangkan hasil dan memenuhi sasaran-sasaran yang dihasratkan, dan ada pula nampaknya kurang berdaya tahan kerana tidak dipantau sebaik-baiknya. Justeru itu kementerian pendidikan perlu melakukan beberapa perubahan umpamanya dengan memastikan sistem dalaman dipertingkatkan lagi kepada yang lebih efesien;

- Kepimpinan berkualiti tinggi di setiap peringkat,
- Proses perubahan yang lebih teliti dan teratur agar lebih berkesan dan berkualiti,
- Serta yang paling penting juga ialah keupayaan kementerian pendidikan dalam memastikan pengajaran dan pembelajaran yang dilaksanakan adalah benar-benar berkualiti tinggi.

Sehubungan dengan itu, Kementerian Pendidikan sentiasa mereviu SPN 21 untuk menambah baik dan meningkat kemajuan selaras dengan perkembangan yang berlaku peringkat kebangsaan dan juga peringkat global. Salah satu ikhtiar yang sedang diusahakan ialah kaedah pengajaran dan pembelajaran di sekolah-sekolah melalui '*Dialogik Teaching and Learning*'.

Belajar melalui '*Dialogik Teaching and Learning*' ini bukan sahaja membawa kepada pengetahuan kandungan tetapi kemahiran berfikir yang lebih baik

Ini adalah sejajar dengan aspirasi SPN 21 yang berhasrat untuk memupuk dan menjana berapa set kebolehan dan kemahiran seperti *communication skill*, *thinking skills and problem solving* dan juga *self management competitive skills* yang akan menjurus kepada pembangunan *high order thinking skills*.

Yang Berhormat Pengurus dan Ahli-Ahli  
Yang Berhormat Kementerian Pendidikan

juga akan sentiasa berkerjasama dan mengembangtenaga dengan kementerian-kementerian dan agensi-agensi kerajaan yang lain serta pihak swasta dalam mengusahakan inisiatif yang berkaitan dengan pendidikan dan pembentukan sumber tenaga manusia. Sebagai contoh bagi mengetahui keperluan permintaan pekerjaan dan rupa bentuk kemahiran-kemahiran yang dikehendaki setiap profesi Kementerian Pendidikan telah bekerjasama dengan Unit Dasar dan Perancangan dan Tenaga Manusia (*Manpower Policy and Planning Unit - MPPU*) Jabatan Perdana Menteri dan berbagai-bagi pihak yang berkepentingan seperti *FDI action* serta *Support Center (FAST)* dan pihak-pihak industri termasuk perusahaan mikrokecil dan sederhana (*MSME*).

Melalui pendekatan *demand driven* ini Kementerian Pendidikan akan dapat memastikan jenis-jenis kursus dan tahap kursus yang dijalankan sentiasa relevan, seimbang dan perisian kurikulum bertepatan dalam memenuhi keperluan ciri-ciri keboleh pasaran (*marketibility*) para pelajar dan graduan institusi pendidikan.

Pada masa yang sama kementerian pendidikan juga turut memberikan sokongan sepenuhnya pada mana-mana usaha kementerian dan agensi lain ke arah pengukuhan kapasiti sumber tenaga manusia seperti *program perantisan* ataupun iaitu Program *I-RDY*.

Pihak kementerian menyahut baik program tersebut yang dianggap

memberi nilai tambah kepada graduan pengeluaran Instiusi Pengajian Tinggi yang mengukuhkan keupayaan pengaplikasian pengetahuan dan meningkatkan kemahiran mereka.

Kementerian Pendidikan akan memastikan program-program pengajian yang ditawarkan di Institute Pengajian Tinggi Awam dan program *I-RDY* itu mempunyai sinergi dalam melahirkan rakyat yang berkaliber, berpengetahuan dan berkemahiran tinggi seperti yang diharatkhan.

وَبِاللّٰهِ التَّوْفِيقُ وَالْهَدَايَا وَالسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللّٰهِ وَبَرَكَاتُه  
Sekian terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri Pendidikan atas huraian yang telah dikemukakan mengenai dengan penyediaan dan sasaran-sasaran Kementerian Pendidikan sesuai dengan belanjawan yang telah dikemukakan. Maka sekarang saya bukakan Tajuk ini untuk dibahaskan. Di hadapan saya ada senarai panjang daripada Ahli-Ahli yang suka untuk mengemukakan soalan-soalan dan seterusnya mengharapkan penjelasan-penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri Pendidikan. Saya mulakan dengan menjemput Yang Berhormat Awang Haji Abdul Wahab bin Apong. Silakan Yang Berhormat.

**Yang Berhormat Awang Haji Abdul Wahab bin Apong:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi  
 أَللّٰهُمَّ إِنِّي نَسِيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللّٰهِ وَبَرَكَاتُه  
Lebih dahulu kaola mengucapkan terima kasih dan tahniah atas mukadimah yang

disampaikan oleh Yang Berhormat Menteri Pendidikan sebentar tadi.

Dalam kesempatan ini, bagi membincangkan dan menyokong peruntukan Kementerian Pendidikan, Tajuk SF01A ini, kaola hanya menyentuh 2 perkara. Seperti yang kita maklum, Wawasan Brunei 2035 ialah melahirkan rakyat yang berpendidikan, berkemahiran tinggi dan berjaya.

Ke arah itu, Kementerian Pendidikan telah berusaha menyediakan beberapa sistem pendidikan yang tinggi berkonsepkan Melayu Islam Beraja dan kita menyedari ini merupakan satu perjalanan yang jauh dengan penuh cabaran dan ujian berasaskan Sistem Pendidikan Abad Ke-21 (SPN21).

Dalam kesempatan ini, kaola ingin mengetahui, walaupun perkara ini telah pun disentuh beberapa tahun yang lalu iaitu mengenai sebilangan pelajar yang masuk ke Tahun 7 adalah pelajar yang sebahagiannya lemah dalam penguasaan 3M iaitu Membaca, Menulis dan Mengira, kaola mendapat maklumat ini daripada guru dan ibu bapa, tetapi tidak semua pelajar, cuma sebahagian kecil sahaja.

Yang Berhormat Pengerusi, kaola ingin bertanya:-

1. Apakah perkara ini telah dapat diatasi pada masa ini? Hal ini sangat membimbangkan kita kerana kemahiran 3M adalah kemahiran asas yang perlu dikuasai awal dari peringkat sekolah rendah. Apabila pelajar menghadapi masalah lemah

- dalam kemahiran 3M, maka mereka akan berhadapan dengan masalah untuk menguasai mata pelajaran yang lain seperti Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris, Sains, Matematik dan juga pelajaran Agama. Jika belum dapat diatasi, maka kajian perlu dibuat. Mungkin ia berpunca daripada kekurangan guru yang berpengalaman mengajar di peringkat rendah atau jumlah pelajar yang terlalu ramai dalam satu kelas; dan
2. Di Sekolah Rendah Tanjung Maya, terdapat flat bagi perumahan guru yang telah diubah suai dan diperbaiki akibat kerosakan. Setelah ia siap diperbaiki, Yang Berhormat Pengerusi, akan tetapi sejak sekian lama perumahan tersebut tidak didiami oleh guru sehingga sekarang, dan pada masa ini sudah mula mengalami kerosakan lagi. Apa yang membimbangkan ialah flat itu berada dalam lingkungan kawasan sekolah tetapi terletak di luar pagar sekolah. Sekarang ini, nampaknya kerosakan tersebut agak serius yang boleh membahayakan dan juga boleh mendatangkan isu-isu yang tidak baik kepada orang kampung iaitu dilihat jika sekiranya berlaku masalah-masalah sosial dan sebagainya. Maka diharap perkara ini akan dapat dilihat dan jika boleh didiami flat tersebut supaya ia lebih menguntungkan dan tidak merugikan kerajaan. Sekian, terima kasih.
- Berhormat Pengerusi dan terima kasih juga kepada Ahli Yang Berhormat atas 2 persoalan tadi.
1. Mengenai Wawasan Brunei 2035, memanglah Kementerian Pendidikan menjadikan pendidikan sebagai satu platform untuk menjayakan Wawasan Brunei 2035 itu, jadi kita memang memberi perhatian yang berat kepada reformasi dalam pendidikan supaya dapat menyokong Wawasan Brunei 2035 yang kita semua mahu melihat kejayaannya.
- Menyentuh mengenai kelemahan pelajar-pelajar Tahun 7 dalam kemahiran 3M itu, perkara ini diakui dan memang terdapat kelemahan. Walau macam manapun, kelemahan ini telah pun kitani cuba mengatasinya melalui berbagai-bagai cara seperti guru-guru yang mendidik kanak-kanak ini di peringkat awalnya iaitu dari peringkat rendah seperti Tahun 4, 5, 6 dan seterusnya hingga di Tahun 7 diberi penumpuan agar mereka dapat membimbing kanak-kanak ini dengan berjaya. Usaha-usaha seperti ini telah pun dilaksanakan, dan walaupun nampaknya masih kurang berhasil, satu langkah lain yang telah kita ambil ialah mendatangkan *international coaches* untuk membimbing guru-guru kitani dalam 2 bahagian iaitu *English Literacy* dan *Numeracy*. الحمد لله mereka pada masa ini sudah pun ditempatkan di sekolah-sekolah di negara ini walaupun bilangan mereka cuma 60 orang, tidak mencukupi tetapi tugas-tugas mereka ialah

**Yang Berhormat Menteri Pendidikan:** Terima kasih Yang

untuk membimbing guru-guru kitani supaya mereka lebih baik dalam pengajaran literasi dan numerasi ini.

إِنْ شَاءَ اللَّهُ مَا نَهِيَّ  
dengan usaha yang baharu ini, kita akan dapat melihat perubahan dalam pencapaian kanak-kanak kitani. Apabila mereka lulus sahaja dalam peringkat sekolah rendah dan memasuki Tahun 7, mereka sudah mempunyai kemahiran-kemahiran yang diperlukan untuk Tahun 7. Buat masa ini, mereka agaknya ketinggalan sedikit, walaupun mereka naik Tahun 7 tetapi pencapaian mereka masih di peringkat yang rendah. Perkara ini kita sedari dan إِنْ شَاءَ اللَّهُ مَا نَهِيَّ dengan usaha yang kita buat sekarang, mudah-mudahan perkara ini akan dapat kita atasi; dan

2. Mengenai kawasan bangunan-bangunan yang rosak dan tidak didiami walaupun sudah dibaiki, perkara ini bukan saja berlaku di kawasan Sekolah Rendah Tanjung Maya, tetapi juga di beberapa kawasan yang ada di negara kita ini. Malangnya, ialah bangunan-bangunan ini apabila diubah suai dan diperbaiki, masih ada lagi orang yang belum mahu tinggal di bangunan tersebut. Langkah kitani pada masa ini ialah tidak membuat pembaikan di perumahan tersebut kecuali jika ada permintaan daripada pihak tertentu yang akan tinggal di bangunan tersebut. Jika tidak, seperti mana yang dikatakan oleh Yang Berhormat tadi, ini

akan membuat satu kerugian kepada kerajaan. Bangunan-bangunan begini banyak di sana sini, yang menjadi satu cabaran kepada Kementerian Pendidikan untuk mengusai dan mengisi bangunan-bangunan tersebut. Keadaan ini bukan saja terdapat di Sekolah Rendah Tanjung Maya tetapi banyak kawasan banyak terdapat bangunan-bangunan seperti ini. Ini satu cabaran kepada kitani yang harus kitani tunduki secara *whole nation approach*, iaitu bagaimana cara kitani untuk mengatasi masalah ini bukan saja di pihak Kementerian Pendidikan akan tetapi seharusnya juga dari kementerian-kementerian dan agensi-agensi yang lain.

Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Terima kasih, Yang Berhormat Menteri Pendidikan. Sekarang saya persilakan, Yang Berhormat Awang Ong Tiong Oh.

**Yang Berhormat Awang Ong Tiong Oh:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Salam sejahtera. Kaola terlepas peluang untuk menyampaikan soalan kepada Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri di bawah Tajuk SE02A - Lembaga Bandaran Bandar Seri Begawan. Walau bagaimanapun, kaola memohon sokongan daripada Kementerian Pendidikan akan cadangan kaola ini kerana ada berkaitan dengan Kementerian Pendidikan.

Kaola ingin menyampaikan hasrat Ahli-Ahli Lembaga Pengarah, ibu bapa

dan pelajar-pelajar daripada Sekolah Menengah Chung Hwa, Bandar Seri Begawan iaitu mengenai permohonan bagi pengecualian cukai pintu tahunan berjumlah \$25,100.00 yang telah dikenakan mulai tahun 2014 melalui surat Jabatan Bandaran, Bandar Seri Begawan yang bertarikh 21 Ogos 2014 atas sebab yang berikut:-

1. Sekolah ini merupakan sebuah institusi pendidikan yang tidak mengutamakan keuntungan *non-profit organization* dari peringkat tadika sehingga menengah. Sejak beberapa tahun kebelakangan ini terdapat kutipan yuran untuk menampung perbelanjaan sekolah.

Oleh itu, pihak sekolah terpaksa mengambil inisiatif dan berbagai-bagi usaha untuk mencari sumber kewangan lain, seperti sumbangan derma daripada orang ramai dan juga Ahli-Ahli Lembaga Pengarah Sekolah yang berkhidmat secara sukarela tanpa menerima sebarang gaji. Sebagai usaha untuk mengatasi beban kewangannya sekolah ini mulai Januari 2016 terpaksa menaikkan kadar yuran sekolah, yang mengakibatkan keramaian pelajar jatuh dari 3,046 orang kepada 2,539 orang.

Tahun 2017 bilangan pelajar menurun lagi kepada 2,416 orang. Jika hal ini berterusan maka akan berlaku lagi kemerosotan jumlah pelajar yang bermakna kemerosotan jumlah kutipan kewangan. Tambahan pula, sekolah ini telah sekian lama mengamalkan dasar

mengutamakan kebajikan para pelajar dengan menghulurkan beberapa bantuan kewangan seperti pengurniaan biasiswa kepada para pelajar yang mencapai kecemerlangan dalam prestasi akademik mereka, ini juga termasuk biasiswa kepada pelajar yang menghadapi masalah kewangan dari kalangan keluarga yang miskin dan berkeperluan dan juga kepada ibu tunggal.

Di samping itu, sekolah ini menaja perbelanjaan persekolahan 10 orang anak yatim daripada Dana Pengiran Muda Mahkota Al-Muhtadee Billah untuk anak-anak yatim berjumlah kira-kira \$3 ribu setiap tahun; dan

2. Merujuk kepada Akta Lembaga Bandaran menurut Seksyen 13 iaitu Pengecualian Cukai Pintu yang memperuntukkan bahawa semua bangunan yang secara khusus digunakan untuk sekolah awam atau untuk tujuan-tujuan amal boleh dikecualikan daripada bayaran cukai dengan titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia dalam Majlis Mesyuarat.

Sekian terima kasih.

### **Yang Berhormat Menteri**

**Pendidikan:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Terima kasih Yang Berhormat atas soalan tersebut. Dalam kesempatan ini kaola ingin jua mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada pihak Pengurusan Sekolah Chung Hwa yang telah pun berada di negara ini sekian lama dan telah

banyak mendidik anak bangsa, anak Brunei dan anak-anak negara kita ke pendidikan tinggi dan atas sumbangan yang telah pun diberikan oleh pihak sekolah kepada masyarakat di Negara Brunei Darussalam, seperti bantuan-bantuan yang diberikan.

Mengenai cukai sekolah ini sebenarnya bukanlah di bawah bidang Kementerian Pendidikan, walau macam manapun perkara ini akan disampaikan kepada pihak-pihak yang berkenaan. Permohonan daripada pihak sekolah supaya diberikan pengecualian cukai. Perkara ini akan disampaikan kepada pihak yang berkenaan. Pihak Kementerian Pendidikan tidak mengenakan cukai bukannya ejen yang mengenakan cukai ini ia daripada kementerian/agensi lain. Terima kasih.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Saya persilakan Yang Berhormat Dayang Khairunnisa binti Awang Haji Ash'ari.

**Yang Berhormat Dayang Khairunnisa binti Awang Haji Ash'ari:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Merujuk kepada Tajuk SF01A-003 mengenai Bantuan Permakanan Sekolah.

Kaola ingin menyentuh mengenai pembaziran makanan di sekolah-sekolah. Isu ini pernah dibangkitkan di mesyuarat sebelum ini, namun ia masih dibangkitkan oleh pihak sekolah:-

1. Adakah pihak kerajaan membuat kajian tentang pembaziran makanan tersebut dan merancang untuk

mengambil langkah-langkah bagi mengelakkan isu ini? Sebagai cadangan mungkin pembahagian makanan dapat diberhentikan tetapi ia diganti sahaja dengan kupon yang dapat digunakan di kantin sekolah bagi penuntut yang memerlukan;

2. Dalam menyokong sasaran negara untuk meningkatkan kadar kitar semula adakah Kementerian Pendidikan mempunyai perancangan bagi menguatkan aktiviti kitar semula di sekolah-sekolah? Dari segi pengumpulan bahan kitar semula ia tidak akan menambah kos kepada sekolah malahan sekolah boleh menjana pendapatan dengan menjual barang kitar semula kepada syarikat kitar semula. Namun tanpa sokongan daripada semua warga sekolah ia memang agak susah untuk dikekalkan; dan
3. Merujuk kepada isu bebanan guru. Ini memang sudah sering diutarakan sebelum ini, tetapi ia masih menjadi isu dalam kalangan masyarakat. Guru-guru merasa terbeban disebabkan kurang masa bagi meningkatkan kualiti pengajaran dan bersama keluarga, dan ini boleh memberi impak kepada psikologi guru. Apakah perancangan kerajaan bagi menangani masalah ini dan adakah perancangan untuk menggunakan bajet untuk mengambil pekerja baharu yang dapat mengendalikan hal-hal pentadbiran dan aktiviti-aktiviti sekolah agar penuntut masih dapat

melibatkan diri dengan aktiviti luar kelas. Sekian terima kasih.

**Yang Berhormat Menteri**

**Pendidikan:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan Yang Berhormat Menteri.

1. Mengenai bantuan kepada kanak-kanak ini memang masih dihulurkan dan kita ada skim-skim tertentu bagi membantu kanak-kanak sekolah yang berkeperluan dan juga mengenai skim-skim memang masih dijalankan oleh pihak Kementerian Pendidikan, walaupun secara selektif tetapi *إِنَّمَا* mana-mana pelajar yang memerlukan bantuan akan dapat *discover* di bawah skim yang terdapat di Kementerian Pendidikan;
2. Mengenai program kitar semula di sekolah-sekolah, sebahagian sekolah memang ada program kitar semula ini sebagai satu aktiviti mereka, sama ada perkara itu mereka jual untuk mendapatkan pendapatan adalah ikhtiar sekolah itu masing-masing. Walau macam manapun di pihak sekolah memang digalakkan untuk menjalankan aktiviti-aktiviti kitar semula ini. Banyak sekolah terdapat aktiviti seperti ini dan terpulanglah kepada pihak sekolah sendiri memastikan bahawa pelajar-pelajar itu bergiat aktif dalam kitar semula ini; dan
3. Mengenai pertanyaan Yang Berhormat tadi mengenai isu bebanan guru? Perkara ini sering

ditimbulkan dan perkara ini juga dalam penelitian pihak Kementerian Pendidikan. Kita kadang-kadang ingin mengetahui juga sama ada isu ini ada asasnya, sebabnya kalau kita membandingkan *workload* guru-guru di luar negara misalnya di tempat lain sebab *workload* mereka pun ada yang lebih berat daripada *workload* yang kita berikan kepada guru-guru di negara ini.

Walau macam manapun rayuan daripada guru-guru sendiri mengenai perkara ini ataupun beban mereka diringankan telah pun kita usahakan dan di beberapa buah sekolah. Kita telah pun menyediakan guru-guru khas untuk mengambil alih kerja-kerja pentadbiran dan sebagainya supaya tidak melibatkan guru-guru yang ada kelas-kelas untuk diajar. Proses ini tidak dapat dibuat di kesemua sekolah pada masa ini dan belum semua sekolah yang terdapat pegawai yang dipanggil *SOM (Senior Official Management)*.

Walau macam manapun perkara ini akan diusahakan supaya mana-mana sekolah atau guru yang terlalu terbeban dengan jadual waktu mengajar dengan tugas-tugas yang lain, mereka ini akan dapat diringankan dan usaha itu adalah usaha yang berterusan dari Kementerian Pendidikan untuk meneliti bebanan guru-guru.

Akhir sekali untuk makluman bahawa pihak Kementerian Pendidikan memang mengambil berat perkara ini kerana kita sering mendengar sungutan-sungutan

daripada guru yang dibebankan dengan jadual-jadual yang besar, tetapi walau macam manapun setiap guru ini mengajar tidak lebih daripada 30 period. Jadi kalau dilihat dan dibandingkan dengan negara lain ada yang melebihi daripada 30 period. Kalau ada guru yang mempunyai beban seperti pentadbiran dan sebagainya jadual waktu mereka akan dikurangkan kepada 24 period. Walau bagaimanapun, mana-mana guru yang merasa dirinya masih dibebankan dengan jadual waktu yang berat, perkara itu bolehlah mereka rundingkan dengan Guru Besar atau Pengetua mereka dan guru besar atau pengetua akan membawa perkara itu ke Kementerian Pendidikan ataupun Jabatan Sekolah-Sekolah. Terima kasih Yang Berhormat.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Saya persilakan Yang Berhormat Awang Hanapi bin Mohd. Siput.

**Yang Berhormat Awang Hanapi bin Mohd. Siput:** السلام علیکم ورحمة الله وبرکاته Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Kaola sukacita merujuk Tajuk SF01A - Kementerian Pendidikan. Lebih dahulu kaola merakamkan setinggi penghargaan dan terima kasih kerana cadangan bagi pembinaan Sekolah Sains bagi Daerah Belait telah dimasukkan dalam Bajet Peruntukan Tahun 2017/2018. Mudah-mudahan dengan terbinanya Sekolah Sains di Daerah Belait itu nanti dapat memberi kemudahan dan keselesaan bagi penduduk Daerah Belait.

Seterusnya kaola ingin mengetahui apakah fungsi sebenarnya bangunan Sekolah Rendah Rampayoh yang telah

ditutup dan dijadikan sebagai bangunan bagi aktiviti-aktiviti kokurikulum tetapi yang mendukacitakan bangunan tersebut tidak beroperasi sedangkan membaik pulih dan mengubah suai bangunan tersebut memakan belanja yang besar. Apa yang nyata perkara tersebut tidak seperti yang dihasratkan malah ia umpama "hidup segan mati tak mahu". Justeru kaola memohon supaya ada usaha untuk menghidupkan balik peranan bangunan tersebut.

Kaola sukacita membawa usul supaya ada peruntukan yang berasingan bagi membaik pulih bangunan asrama, rumah kerajaan dan flat guru dan tidak disatukan bagi peruntukan bangunan sekolah. Bagi mengelakkan bangunan asrama ataupun bangunan-bangunan yang disebutkan tadi terbiar atau diperbaiki dalam jangka masa yang panjang ataupun lama.

Sekian untuk disampaikan dan memohon penjelasan. Terima kasih Yang Berhormat.

**Yang Berhormat Menteri Pendidikan:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan Yang Berhormat mengenai bangunan ataupun Sekolah Rendah Rampayoh yang ditutup untuk tujuan kegiatan kokurikulum dan nampaknya pada masa ini masih juga tidak digunakan.

Perkara ini kita ambil maklum dan akan disiasat dengan pihak-pihak yang tertentu di Kementerian Pendidikan. Seperti cadangan Yang Berhormat itu tadi sama ada bangunan itu boleh

dipulihkan semula ataupun digunakan sebaik-baiknya supaya tidak berlaku pembaziran atas pengubahsuaian telah pun dilaksanakan keatas bangunan tersebut. إِنَّمَا اللَّهُ يَعْلَمُ أَكْثَرَهُمْ إِنَّمَا اللَّهُ يَعْلَمُ أَكْثَرَهُمْ Lebih dahulu kaola ingin memberi tahniah kepada Kementerian Pendidikan dengan Wawasan Brunei 2035 semoga ia akan berjaya dan mencapai sasarannya.

Mengenai usul supaya ada peruntukan lain bagi membaik pulih asrama, kediaman guru dan lain-lain. Perkara ini akan diambil peringatan oleh pihak yang berkenaan di Kementerian Pendidikan. Walau bagaimanapun, dalam perkara ini di bawah satu Tajuk di bawah Jabatan *Estate Management*. Jadi ini akan dilihat keperluan keseluruhan bangunan di bawah Kementerian Pendidikan sama ada perlu diubah atau dibaiki ataupun tidak ataupun apa-apa kerja yang perlu dilaksanakan ke atas rumah-rumah tersebut. Peruntukannya pun disediakan di bawah jabatan berkenaan.

Walau bagaimanapun, jika perkara ini perlu diperbaiki lagi pihak Kementerian Pendidikan akan meneliti semula skim seperti ini sama ada ia menepati keperluan pihak sekolah dan pihak guru dan seterusnya. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Saya persilakan Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pendikar Alam Dato Paduka Seri Awang Haji Hasrin bin Dato Paduka Haji Sabtu.

**Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pendikar Alam Dato Paduka Seri**

### **Awang Haji Hasrin bin Dato Paduka Haji Sabtu:**

Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ الْكَافِرُونَ مُوَلَّدُهُ رَحْمَةُ اللَّهِ وَرَحْمَةُ اَنَّهُ لِكَافِرٍ Lebih dahulu kaola ingin memberi tahniah kepada Kementerian Pendidikan dengan Wawasan Brunei 2035 semoga ia akan berjaya dan mencapai sasarannya.

Kaola hanya ingin merujuk kepada Kod Akaun 007/002 di bawah Tajuk Lain-Lain Program dan Institusi Pendidikan. Kaola ingin menyentuh secara ringkas mengenai Unit Pendidikan Khas.

Unit Pendidikan Khas, Kementerian Pendidikan telah pun ditubuhkan di negara ini khusus bagi membantu pelajar-pelajar yang Berkeperluan Khas untuk menerima bantuan serta bimbingan daripada aspek pembelajaran dan pengajaran yang lebih berkesan agar pelajar-pelajar berkenaan dapat mencapai potensi maksimum masing-masing. Ini juga selaras dengan inisiatif dan strategi pendidikan inklusif pihak Kementerian Pendidikan.

Kaola ingin memberi satu soalan sahaja iaitu apakah perancangan pihak Kementerian Pendidikan untuk meningkatkan lagi kualiti dan skop program pembelajaran bagi pelajar-pelajar yang berkeperkuhan khas di negara ini serta perancangan untuk meningkatkan lagi jumlah dan penempatan kemahiran guru-guru pendidikan khas atau *Special Education Needs Assistant (SENA)* di sekolah-sekolah di negara ini baik di peringkat

rendah mahupun di peringkat menengah. Sekian، وَبِاللّٰهِ التَّوْفِيقُ وَالْهُدَايَا وَالسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللّٰهِ وَبَرَكَاتُهُ

### **Yang Berhormat Menteri Pendidikan:**

Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Sebenarnya sejak kita memperkenalkan *inclusive education* dalam perancangan tidak seorang pun kanak-kanak yang terbiar dalam isu pendidikan ini. Walau pun kanak-kanak itu mempunyai beberapa kekurangan misalannya sama ada dari segi fizikal ataupun mental. Di bawah Skim *Inclusive* semua kanak-kanak yang dibawah umur persekolahan akan diberikan kemudahan bersekolah di mana sahaja.

Jadi, dalam perkara ini memanglah Kementerian Pendidikan mengambil berat akan pemberian persekolahan kepada kanak-kanak dan berbagai-bagai usaha telah pun diberikan kepada mereka ini agar mereka dapat menikmati pendidikan yang normal seperti kanak-kanak yang lain dan mereka ini tidak akan diasingkan selagi mereka ini boleh bergaul dengan kanak-kanak lain.

Walau bagaimanapun, jika mereka dalam keadaan tertentu memerlukan pengasingan, maka mereka akan diasingkan daripada kelas lain bagi sesuatu mata pelajaran. Walau bagaimanapun dari segi persekolahan akan disamakan seperti kanak-kanak lain. Jika mereka memerlukan bantuan guru *one-to-one*, إِنْ كَانَ أَنَّ will akan disediakan guru *one-to-one basis*. Pada masa ini keramaian kanak-kanak kitani yang memerlukan sokongan bantuan ini melebihi 4 ribu orang.

Jadi bayangkanlah jika keperluan itu bagi seorang guru menjaga sekumpulan kecil misalannya kanak-kanak itu pun sudah memerlukan bilangan guru yang begitu banyak. Apatah lagi kalau *one-to-one basis* misalannya ada kanak-kanak yang memerlukan bantuan seorang guru khusus maka dengan sendirinya jumlah bilangan guru yang diperlukan berkali ganda ramainya.

Dalam perkara ini memanglah kitani menghadapi cabaran untuk menyediakan guru-guru yang begitu banyak:-

1. Daripadanya dari segi bilangan kita tidak dapat menyediakan guru-guru yang begitu ramai; dan
2. Dari segi kepakaran mereka. Kebanyakan guru ini tidak mempunyai kepakaran yang khusus untuk menjaga kanak-kanak sedemikian. Walau bagaimanapun, pihak Kementerian Pendidikan berusaha melalui *training* ataupun kursus-kursus yang dikhaskan yang telah pun diberikan kepada mereka untuk mereka ini menjadi pakar dalam bidang masing-masing, supaya mereka dapat menjaga kanak-kanak itu dengan betul.

Persoalan daripada Yang Berhormat, itu memang tepat kita menyambut baik soalan tersebut kerana memanglah menjadi satu komitmen Kementerian Pendidikan untuk menyediakan program-program yang bersesuaian dengan pelajar-pelajar Berkeperluan Khas ini.

Kemahiran guru-guru dan sebagainya memang di *top up* dari semasa ke semasa supaya kemahiran mereka itu dapat menangani masalah kanak-kanak tersebut.

Terima kasih atas soalan tersebut dan kita menyambut baik dan usaha kita berterusan bagi mengatasi keperluan khas kanak-kanak yang sedemikian.

الحمد لله kita dapat juga melaporkan bahawa sebilangan kanak-kanak itu telah juga berjaya dalam pelajaran mereka. الحمد لله atas usaha guru-guru dan guru-guru bantuan ini. Untuk menjaga kanak-kanak sedemikian merupakan satu cabaran yang besar kepada guru-guru tersebut. الحمد لله hal ini disebabkan dengan adanya komitmen dan rasa kasih sayang daripada guru-guru tersebut, terima kasih Yang Berhormat.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Saya persilakan Yang Berhormat Awang Haji Tahamit bin Haji Nudin.

**Yang Berhormat Awang Haji Tahamit bin Haji Nudin:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Adalah difahami bahawa negara pada masa ini giat mendukung dan menggalakkan warga penduduknya untuk menceburi dalam dunia perniagaan dengan Skim Kemudahan telah disediakan oleh pihak kerajaan bagi membangun ekonomi negara.

Pertanyaan kaola, sejauh manakah pihak Kementerian Pendidikan dalam mana-mana silibus (mata pelajaran)

yang menggalakkan dan lebih-lebih lagi mendidik anak bangsa Brunei Darussalam untuk menjadi usahawan? Adakah program-program, kelab-kelab, persatuan-persatuan yang ditubuhkan memupuk dan menyemai generasi muda untuk berkecimpung menjadi usahawan dari lima ke sepuluh tahun akan datang? Sekian terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

### **Yang Berhormat Menteri**

**Pendidikan:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan terima kasih kepada Yang Berhormat, atas soalan tersebut. Memang kita ada program-program ataupun kursus-kursus tertentu bagi mendukung usaha pihak kementerian untuk menjadikan pelajar-pelajar kita ini selain bergantung pada bekerja dengan kerajaan ataupun swasta untuk berusaha sendiri dalam bidang-bidang tertentu. Program-program *entrepreneurship* ini, memang kita adakan di sekolah-sekolah, institusi-institusi pengajian tinggi terutamanya disediakan program-program *entrepreneurship* ini dan memanglah selaras dengan hala tuju negara pada masa ini, iaitu untuk menggalakkan belia-belia kita yang lepasan sekolah untuk mengambil *entrepreneurship* ini sebagai satu jurusan mereka.

Memang sudah lama digalakkan dan terdapat di beberapa buah sekolah juga *entrepreneurship* club juga dan sekolah-sekolah ini sering mengambil bahagian jika ada mini bazar misalnya jika diadakan jualan-jualan sama ada di sekolah-sekolah mahupun di mana-

mana tempat. Memang digalakkan mereka ini untuk mengambil bahagian, seperti dalam program Bandarku Ceria setiap hari Ahad. Pada awalnya pihak *IBT* juga mengambil bahagian dengan mengadakan gerai berjual minuman, makanan dan sebagainya.

Hampir semua sekolah di negara ini, mempunyai kelab-kelab yang tersendiri. Mereka menggalakkan hasil kerja daripada pihak sekolah, hasil buatan mereka ataupun dengan usaha mereka sendiri mendapatkan barang-barang tersebut untuk dijual. *Entrepreneurship* ini, memang berjalan dengan baik dan إِنْ شَاءَ اللَّهُ إِنْ شَاءَ اللَّهُ akan diluaskan/dilebarkan lagi supaya lebih pelajar yang terlibat dalam bidang *entrepreneurship* ini. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Saya persilakan Yang Berhormat Awang Haji Mohimin bin Haji Johari @ Jahari.

**Yang Berhormat Awang Haji Mohimin bin Haji Johari @ Jahari:**  
Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. حَسَدَ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِينَ ، سَيِّدَنَا مُحَمَّدٌ وَعَلَى آلِهِ وَصَاحِبِيهِ أَجْمَعِينَ

Pertama-tama kaola merakamkan ucapan tahniah dan syabas kepada Kementerian Pendidikan, yang dipimpin oleh Yang Berhormat Menteri Pendidikan, atas beberapa kejayaan yang dicapai dalam mempertingkatkan prestasi pendidikan di Negara Brunei Darussalam.

Walau bagaimanapun, saya ingin menyentuh sedikit mengenai keselesaan perjalanan trafik atau *traffic flow* di beberapa sekolah menengah di kawasan Zon 5.

Dicadangkan supaya dibuat susur keluar dan susur masuk, dalam jalan menuju ke sekolah-sekolah menengah seperti Sekolah Menengah Masin, Pusat Tingkatan 6, Mulaut Sengkurong. Kerana *traffic jam* sering berlaku di kawasan-kawasan sekolah ini, seperti Sekolah Menengah Masin di trafik Bengkurong Masin telah mula tersekat hingga menuju ke Pusat Tingkatan 6, Mulaut Sengkurong.

Dipohonkan juga supaya Kementerian Pendidikan mendapatkan maklumat masalah-masalah yang dihadapi oleh guru-guru dalam memberi perkhidmatan pembelajaran kepada anak bangsa kita. Kaola mendapat maklumat, guru-guru terpaksa membeli sendiri alat keperluan mengajar, maka kaola mencadangkan supaya peruntukan bantuan alat mengajar diberi perhatian supaya tidak membebankan guru-guru.

Dipohonkan juga supaya guru-guru Kementerian Pendidikan dan guru-guru Kementerian Hal Ehwal Ugama akan sama-sama berhemah dan bijaksana dalam penggunaan bangunan kerajaan yang sama. Pihak kerajaan masa kini dalam *the whole of nation approach* bagi mengoptimumkan penggunaan bangunan-bangunan kerajaan. Dicadangkan jika belum ada atau sudah ada ditambah penubuhan operasi sekolah-sekolah.

Sekian terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

### **Yang Berhormat Menteri**

**Pendidikan:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan terima kasih Yang Berhormat. Berkenaan dengan *traffic flow* di sekolah-sekolah menengah zon 5. *Traffic flow* ini memanglah satu isu yang penting juga ditangani kerana bukan saja ia isu keselesaan tetapi juga isu keselamatan. Jadi, kita juga mengambil berat akan isu ini.

Walau bagaimanapun, perkara ini untuk mengatasinya itu, satu isu lagi, bagaimana untuk mengatasi kawasan-kawasan yang sesak dengan trafik, sebabnya di mana-mana pun di negara kita ini, apabila sesuatu tempat itu menjadi tumpuan, maka akan timbul lah isu trafik kerana kita sering menggunakan kenderaan kita sendiri untuk menghantar anak-anak sekolah.

Selagi belum ada sistem *busing* yang dapat kita guna pakai atapun sistem pengangkutan anak-anak sekolah yang secara kemas dan secara efisien dapat kita perkenalkan selagi itu ibu bapa akan menghantar anak-anak mereka ke sekolah dengan menggunakan kenderaan sendiri dengan sendirinya isu trafik ini akan timbul di mana-mana sahaja. Walau bagaimanapun, pihak kementerian akan mengambil catatan perkara yang telah ditumbulkan oleh Yang Berhormat.

إِنَّمَا، pihak-pihak yang tertentu di kementerian berkenaan kita cuba untuk mengatasi masalah ini supaya jalan-jalan

raya yang berdekatan dengan sekolah dapat diusahakan, dapat menampung trafik yang begitu sesak pada waktu pagi ataupun waktu mengambil anak sekolah.

Mengenai keperluan alat mengajar di sekolah-sekolah. Sebenarnya memang ada peruntukan bagi kegunaan mengajar di sekolah-sekolah ini, memang setiap tahun disediakan. Cuma kadang-kadang sekolah itu mungkin tidak memaklumkan kepada pihak jabatan atau kementerian akan keperluan mereka.

Kadangkala ada sekolah yang ingin berusaha sendiri. Jadi, perkara-perkara seperti ini tidak disampaikan kepada pihak kementerian. إِنَّمَا، di kawasan-kawasan yang tertentu, sekolah-sekolah yang benar-benar memerlukan alat mengajar ini akan dapat kitani bantu supaya pelajar-pelajar ini akan sentiasa dibekalkan alat-alat pembelajaran yang diperlukan oleh mereka.

Kadang-kadang juga, *to the credits of the teachers* lah, maksudnya guru itu sendiri yang sedia mahu membekalkan keperluan barang sekolah dan ada juga guru yang baik hati yang sendiri *supply* barang-barang itu. Perkara itu juga berlaku dan kita mengambil baik dan terima kasih kepada guru-guru tersebut. Perkara itu akan diteliti jika benar-benar sekolah itu tidak dibekalkan dengan keperluan anak-anak sekolah maka pihak kementerian akan mengambil tindakan yang bersesuaian.

Mengenai penggunaan bangunan sekolah agama yang digunakan oleh Jabatan Pengajian Islam, Kementerian Hal Ehwal Ugama bagi pengajian agama jua pengajian pagi sekolah itu diambil

maklum. Memang ada kerjasama daripada sekolah pagi dan sekolah agama bagi sama-sama menjaga penggunaan sekolah tersebut. Tapi itu perlu diperbaiki dari semasa ke semasa. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang, saya persilakan Yang Berhormat Awang Iswandy bin Ahmad.

**Yang Berhormat Awang Iswandy bin Ahmad:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

أَللّٰهُمَّ تَبَارَكَتْ هُنَافِرُكَ وَرَحْمَتُكَ رَحِيمٌ  
Kaola mengambil kesempatan untuk mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri Pendidikan atas usaha-usaha yang sedang dilaksanakan oleh Kementerian Pendidikan untuk memberikan pendidikan yang berkualiti.

Abiskaola merujuk kepada 2 perkara.

1. Tajuk SF01A 007/001- Sekolah Sukan. Maafkan kaola jika perkara ini sudah ada. Abiskaola hanya ingin penjelasan jika belum ada bolehlah jadi usulan. Adakah perbelanjaan ini termasuk pihak kementerian untuk menyediakan apa yang dipanggil *academic path* dan *career path* untuk penuntut-penuntut Sekolah Sukan memandangkan mereka sudah ada asas sebagai atlet berpotensi di peringkat tersebut.

Akan tetapi mungkin kurang *follow up* oleh sebab selepas sahaja habis di Sekolah Sukan mungkin belum ada program yang menyambut mereka terutama sekali dalam bidang

akademik walaupun masih aktif sebagai ahli sukan. Adalah baiknya sekiranya mereka mungkin tidak semua sebagai atlet berprestasi tinggi, akan tetapi dapat diserapkan menjadi sebagai contoh dalam *Sports Management*, *Sport Physcologist*, *Physiotheraphyst*, *Physical Education Teacher*, *Coaching* dan *Sports Analysis* dan banyak lagi. Inisiatif ini bolehlah dilaratkan lagi kepada atlet-atlet muda walaupun mereka bukan daripada Sekolah Sukan.

2. Tajuk SF01A – 007005 - Pendidikan Kokurikulum. program-program Sekolah Sukan ini melibatkan badan-badan beruniform. Adakah perancangan pihak Kementerian Pendidikan untuk mengembangkan lagi aktiviti kokurikulum ini bukan sahaja terhad kepada badan-badan beruniform akan tetapi juga melibatkan *NGO's* di dalam kerja kemasyarakatan, kebudayaan, sukarelawan, kepimpinan, keagamaan, kesihatan, sukan dan lain-lain. Ini kerana *NGO* ini lebih spesifik pada *core business* mereka menjadikan kerja kemasyarakatan dan kerja-kerja mereka melibatkan diri dan ia dapat memberi pendedahan dan pengalaman penuntut bagaimana *NGO* ini dapat membantu pembangunan sosioekonomi negara. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Menteri Pendidikan:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan Yang

Berhormat. Mengenai Sekolah Sukan ini satu cabaran yang besar kepada pihak Kementerian Pendidikan kerana memanglah diakui sejak penubuhan Sekolah Sukan ini kita kurang berjaya dalam melahirkan para atlet-atlet yang bertaraf tinggi, jangantah disebut pada tahap antarabangsa, taraf tinggi pun kita masih berusaha keras belum dapat menghasilkannya. Begitu juga dari segi akademik mereka. Mereka ini lebih cenderung kepada bahagian sukan, maka akademik mereka pun diakui kurang cerah.

Walau macam manapun, perkara ini telah pun kita tunduk dan kita telah pun membuat *review* atau pun pengubahsuaian dari segi program-program yang dapat diadakan di Sekolah Sukan. Kita masih berkeyakinan bahawa Sekolah Sukan ini jika dijaga dengan baik dan diurus dengan baik oleh pihak Kementerian Pendidikan akan dapat menghasilkan para atlet yang bolehlah dapat kita ketengahkan dan juga dapat dijadikan dari segi pelajar-pelajarnya dapat juga berjaya dalam bidang akademik. Sebagai satu misi Kementerian Pendidikan ialah untuk mengekalkan *the twin objectives* di Sekolah Sukan ini supaya bahagian sukan dan juga tidak ketinggalan supaya *student still excellent* dalam akademik mereka.

Baru-baru ini kita perkenalkan *V-tech programme*. Program ini kelurusan ada kaitan dengan sukan itu sendiri sepertinya pengurusan sukan, *coaching* dan bidang-bidang yang sukan itu sendiri. Ertinya walaupun pelajar-pelajar itu setelah selesai mencebur diri dalam

jurusan sukan. Perkara ini kita harap akan dapat menghasilkan pelajar-pelajar yang lepasan dari Sekolah Sukan yang boleh mendapat pekerjaan yang bersesuaian dengan apa yang mereka jalani semasa mereka sekolah di Sekolah Sukan.

Mengenai kegiatan dibawah ko-kurikulum yang pada masa ini melibatkan uniform peranan *NGO* insya-Allah perkara ini akan diusahakan oleh pihak-pihak yang berkenaan. Dan secara tidak rasmi memang tidak ada cara lebih dekat dengan pihak-pihak akan melibatkan *NGO's*. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan Yang Berhormat.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Saya persilakan Yang Berhormat Pengiran Haji Ali bin Pengiran Maon.

**Yang Berhormat Pengiran Haji Ali bin Pengiran Maon:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيمِ  
الْحَمْدُ لِلّٰهِ رَبِّ الْعٰالَمِينَ، وَالصَّلٰوةُ وَالسَّلَامُ عَلٰى أَشْرَفِ الْأَنْبِياءِ  
وَالْمُرْسَلِينَ، سَيِّدِنَا مُحَمَّدٌ وَعَلٰى آلِهٖ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ

Yang Berhormat Pengerusi. Kaola lebih dahulu mengucapkan setinggi terima kasih dan tahniah atas mukadimah yang disampaikan oleh Yang Berhormat Menteri Pendidikan atas peruntukan Pendidikan Abad ke 2. Kita berdoa semoga usaha kementerian Yang Berhormat akan dapat merealisasikan **آمين**

Yang Berhormat Pengerusi. Kaola tertarik mengenai Khutbah Jumaat yang bertarikh pada 3 Mac 2017 yang lalu

yang telah menggariskan bahawa pentingnya ibu bapa tidak menyalahgunakan Elaun Pelajaran yang telah diberikan oleh kerajaan. Perkara ini telah ditekankan memandangkan ada terdapat segelintir ibu bapa tidak menggunakan Elaun Pejaran untuk dibayar bagi pembelajaran anak sekolah anaknya berbulan-bulan sehingga menjelaskan pembelajaran seperti tidak dibenarkan mengikuti peperiksaan dan sebagainya.

Kaola ingin memberikan cadangan jika sekiranya pihak Kementerian Pendidikan dapat mengusahakan proses pembayaran terus ke sekolah-sekolah bagi mengelak perkara ini terjadi.

Seterusnya kaola ingin menyentuh mengenai penerapan nilai-nilai jati diri secara praktikal dalam sistem pembelajaran murid dari peringkat awal (sekolah-sekolah rendah).

Apa yang dimaksudkan supaya tenaga pengajar akan dapat mananamkan sifat-sifat atau nilai-nilai jati diri dengan mengadakan aktiviti ko-kurikulum atau program yang boleh meningkatkan kecerdasan emosi atau *emotional intelligence* seperti membersihkan bilik darjah, kerja-kerja sukarelawan, sebagai contoh kerja-kerja amal di hospital-hospital, orang kurang upaya dan sebagainya. Melentur buluh biarlah dari rebungnya. Bersesuaianlah dengan tema tahun ini iaitu Membina Modal Kapasiti Insan.

Program seperti ini yang juga digunakan di negara lain seperti negara Jepun dan USA. Ini akan memberi kesan positif

dengan melahirkan rasa tanggungjawab sosial dan meningkatkan kualiti kepimpinan kepada murid-murid sekolah.

Seterusnya, kaola tadi telah pun mendengar mukadimah Yang Berhormat Menteri Pendidikan iaitu Miftahun Najah juga disuarakan oleh rakan Yang Berhormat Dayang Khairunnisa binti Awang Haji Ash'ari menyentuh mengenai Miftahun Najah yang program ini telah dihasratkan untuk mengurangkan kos perbelanjaan sekolah anak-anak murid terutamanya golongan yang kurang berkemampuan.

Pada mulanya ia diperkenalkan kepada murid-murid sasaran diberikan bantuan dengan memberikan bantuan. Walau bagaimanapun kementerian telah memberikan secara *in-kind* iaitu berupa barang dan peralatan sekolah dan sebagainya. Kaola berpendapat ini adalah satu usaha yang harus diberi pujian. Moga usaha kementerian akan meneruskan program ini secara berterusan. Dalam masa yang sama, pelajar-pelajar yang diberi bantuan ini perlu juga dipantau dan diambil perhatian. Kita ingin melihat mereka ini berjaya dan dapat berkhidmat untuk negara kelak. Dalam erti kata lain, kita tidak hanya harus sekadar berbudi tetapi dalam masa yang sama kita ingin juga melihat hasilnya. Sekian terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Terima kasih.

**Yang Berhormat Menteri Pendidikan:** Terima kasih Yang Berhormat atas sokongan Yang Berhormat dalam usaha-usaha yang

telah pun dilaksanakan oleh Kementerian Pendidikan demi mencapai kejayaan bagi anak-anak kita. الحمد لله dengan adanya sokongan daripada semua pihak terutama pihak ibu bapa dan orang ramai kita akan mencapai objektif kita dalam pendidikan kanak-kanak ini.

Mengenai Elaun Pejaran ini memanglah satu perkara yang serius kerana ia akan menjelaskan pembelajaran kanak-kanak tersebut. Pihak-pihak sekolah dalam keadaan tertentu tidak harus terpaksa mengambil tindakan seperti mana yang dinyatakan tidak membenarkan kanak-kanak itu bersekolah jika pembayaran itu sudah lama tidak berbayar.

Ataupun tidak membenarkan kanak-kanak itu menduduki peperiksaan ataupun tidak membenarkan kanak-kanak itu mengambil bahagian dalam aktiviti-aktiviti sekolah. Setentunya perkara ini mendukacitakan kanak-kanak tersebut kerana isu pembayaran bayaran sekolah ini bukanlah isu kanak-kanak itu tetapi isu ibu bapa mereka tapi walau macam manapun yang terjejas yang menerima akibatnya ialah kanak-kanak tersebut. Kadang-kadang pihak sekolah merayu kepada kita supaya macam mana kanak-kanak tersebut dapat dibantu supaya mereka tidak terabai dari segi pendidikan mereka.

Saranan yang dibuat oleh Yang Berhormat tadi dan juga seperti mana dalam Khutbah Jumaat baru-baru ini adalah tepat dan bersesuaian sekali untuk kita timbulkan supaya setiap ibu bapa yang diberi Elaun Pendidikan akan menggunakan untuk tujuan mengapa elaun itu diberikan bukan sebaliknya.

Sama ada cadangan daripada Yang Berhormat supaya bayaran terus ke sekolah dan bukannya ke poket ibu bapa yang berkenaan, perkara ini akan dibawa ke perhatian pihak-pihak tertentu dan kita lihatlah sama ada cadangan ini sesuai untuk diambil tindakan إِنَّمَا اللَّهُ

Mengenai penerapan nilai-nilai jati diri di peringkat awal sememangnya salah satu daripada tujuan Kementerian Pendidikan untuk menanamkan nilai-nilai jati diri dalam kalangan kanak-kanak kita itu dari awal dari mereka bersekolah, meninggalkan sekolah, bekerja dan sebagainya. Jadi usaha itu usaha yang berterusan yang mesti dilakukan oleh pihak-pihak sekolah.

Kementerian Pendidikan sentiasa mengawasi sama ada perkara ini berlaku di sekolah-sekolah. الحمد لله dikebanyakan sekolah penerapan nilai-nilai jati ini memang sentiasa diberi perhatian oleh pihak guru dan sebagainya. Walau macam manapun, mungkin ada terdapat beberapa sekolah dan beberapa guru yang tidak mengamalkan ataupun tidak menerapkan nilai-nilai jati diri dalam kalangan anak-anak murid mereka. Perkara ini jika diketahui oleh pihak kementerian maka tindakan yang bersesuaian akan diambil dari segi meminta guru berkenaan untuk menerap nilai-nilai jati tersebut dalam kalangan anak-anak murid mereka.

Mengenai bantuan Miftahun Najah kepada kanak-kanak yang tidak berkemampuan ataupun ibu bapa mereka yang tidak berkemampuan untuk membiayai pemakanan sekolah,

makanan kanak-kanak pakaian dan sebagainya. الحمد لله Kementerian Pendidikan dapat bantuan daripada pihak korporat ataupun pihak BIBD dalam *CSR* mereka (*Corporate Social Responsibility*).

Mudah-mudahanlah bantuan seperti ini akan diteruskan dari semasa ke semasa dan jika pun BIBD tidak lagi dapat memberikan bantuan tersebut diharapkanlah ada agensi-agensi lain sama ada dari pihak bank yang lain atau pun mana-mana jua pihak swasta agensi yang lain yang dapat meneruskan usaha seperti ini.

Dapat kita lihat bahawa usaha bantuan dibawah Miftahun Najah ini telah pun memberi sokongan yang begitu kuat kepada kanak-kanak ini untuk memberi mereka semangat terus belajar. Jadi mudah-mudahanlah dengan ada bantuan seperti ini kanak-kanak kitani tidak akan terbiar walaupun mereka datang daripada keluarga yang kurang mampu dan Kementerian Pendidikan akan terus berusaha mendapatkan bantuan seperti ini agar kanak-kanak kitani ini akan terus belajar dengan semangat yang begitu إِنْ شَاءَ اللَّهُ gigih seperti kawan-kawan yang lain

Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Saya persilakan Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit.

**Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit:** بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Kaola merujuk kepada anggaran perbelanjaan 2017/2018 kod akaun 003/004 mengenai Pemeliharaan

Bangunan dan Aset yang berjumlah \$1,130,076 nampaknya meningkat \$320,000 dari 2016/2017. Begitu juga Pemeliharaan Bangunan dan Aset pendidikan menengah pada tahun 2004 berjumlah \$1,520.044 juga meningkat. Berhubung dengan perkara ini, kaola harap dapat diperuntukkan kepada beberapa bangunan sekolah dan aset berkenaan supaya diambil perhatian:

1. Sekolah Rendah Layong yang telah ditutup supaya dihidupkan semula atas kehendak penduduk Kampong Layong, tetapi perlu sedikit pembaikan;
2. Sekolah Rendah Batang Mitos. Bangunannya sudah lama dan uzur supaya dipulih atau dirobohkan untuk membina bangunan baharu demi keselamatan pelajar sekolah. Selain itu, nampaknya kurang elok apabila dilihat oleh orang luar negeri yang melalui dan melintasi jalan ini iaitu sebagai jalan utama mereka dari Kuala Lurah menuju ke Jalan Lamunin;
3. Bangunan berhampiran kantin Sekolah Rendah Danau yang telah lama ditinggalkan yang belum siap, juga nampaknya berbahaya bagi pelajar sekolah berkenaan kerana ia kawasan dalam sekolah dan kantin yang pelajar lalui di kawasan ini supaya disiapkan atau tindakan lain;
4. Bangunan lama tahun empat puluhan di luar pagar Sekolah Rendah Danau. Menurut keterangan penduduk asal Kampung Danau bangunan ini dulunya sempat digunakan oleh

Tentera Jepun kemudian digunakan sebagai bilik pentadbiran sekolah, perpustakaan dan tempat tinggal guru-guru. Bangunan ini sekarang, dinding dan lantainya sudah buruk dan terkopek malah struktur *beamnya* sudah ada yang *teturun* (mengendap ke bawah) dan berbahaya kepada pelajar sekolah dan penduduk sekitarnya.

Pada tahun 2011, kaola ada pernah memohon semasa keadaan bangunan ini masih baik kepada Kementerian Pendidikan untuk dijadikan galeri MPK Danau dan MPK Telisi. Sesuai jika diwartakan sebagai bangunan bersejarah kerana ia berhampiran dengan jeti feri lama yang dulunya disebut *bantun (raft)* yang digunakan sebagai pengangkutan kenderaan perhubungan utama negara dari Danau ke Tutong dan terus ke Pekan Brunei pada waktu itu.

Sebahagian gambar kedai lama dan pendudukan Jepun disimpan oleh sebahagian penduduk yang tahu tentang ceritanya. Begitu juga rumah pemandu feri berkenaan wujud di kampung berkenaan. Jadi ia berpotensi untuk destinasi pelancongan Daerah Tutong; dan

5. Padang Sekolah yang tidak dapat digunakan lagi untuk sebarang aktiviti seperti sukan dan kemasyarakatan. Contohnya, Padang Sekolah Menengah Sayidina Osman dan Sekolah Rendah Birau dipenuhi air, berlumpur dan ditumbuhi rumput

panjang. Oleh itu, disarankan jika bersesuaian supaya ia dibina longkang untuk mengeluarkan air dari padang tersebut.

Yang Berhormat Pengurus dan Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Negara Yang Berhormat. Seterusnya kaola bercakap mengenai program dan aktiviti kod akaun 005/003 gelaran asalnya ialah Pendidikan dan Vokasional yang anggaran perbelanjaan 2017/2018 Pendidikan dan Sumber Operasi iaitu Perbelanjaan Berulang-Ulang berjumlah \$803, 120. Apakah peruntukan ini boleh digunakan oleh pelajar-pelajar pendidikan teknik dan vokasional ini yang berhasil mengikuti pertandingan CIPTA di JMKE, pertandingan serantau antarabangsa CIPTA untuk membina produk-produk dari pertandingan berkenaan bagi membantu menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi yang dinamik. dengan menghasilkan produk *Made in Brunei* yang boleh menembusi pasaran antarabangsa. Terima kasih Yang Berhormat Pengurus.

#### **Yang Berhormat Menteri**

**Pendidikan:** Terima kasih Yang Berhormat Pengurus dan Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit. Mengenai pemeliharaan bangunan dan aset bahagian rendah dan menengah. Sekolah-sekolah yang didapati dalam keadaan yang sudah lama dan mungkin membahayakan. Kaola menjelaskan, bahawa ada antara sekolah memanglah ditutup kerana sekiranya ada skim percantuman.

Contohnya Sekolah Rendah Layong itu ada dalam skim percantuman dan dicadangkan untuk berpindah ke Sekolah Rendah Penapar kerana keramaian penuntut di Sekolah Rendah Layong dijangkakan dapat disatukan bagi memaksimumkan atau memoptimumkan kegunaan guru-guru dan juga *resources* yang berkaitan operasi sesebuah sekolah itu.

Sementara itu, cadangan bagi Sekolah Layong itu dipulihkan, kita akan teliti dan kaji sama ada keperluan sekolah berkenaan dibukakan semula.

Mengenai Sekolah Rendah Batang Mitos, memang diakui bangunan tersebut sudah lama dan perlu pembaikan dan Peruntukan Khas memang diperlukan dan yang sebenarnya ada beberapa buah sekolah lagi yang mempunyai status yang sama iaitu sekolah yang sudah begitu lama dibangunkan oleh sebab bangunan baharu belum dapat diperolehi dan selagi bangunan tersebut dilihat masih selamat untuk anak-anak kitani sekolah itu akan digunakan.

Jika Sekolah Batang Mitos ini tidak lagi selamat digunakan, <sup>آمنة</sup> akan dikaji semula dan tindakan serta-merta akan diambil untuk menutup sekolah berkenaan dan kanak-kanak akan dipindah sebelum dibangunkan sekolah baharu.

Memang sudah satu kelaziman pihak Kementerian Pendidikan untuk mengutamakan keselamatan, jika sekolah itu didapati tidak selamat, tapi selagi ia selamat dan belum ada bangunan baharu maka ia akan digunakan oleh pelajar-pelajarnya.

Walau macamanapun, memang diakui sekolah itu sekolah yang lama mungkin sudah tiba masanya untuk kitani membangun bangunan baharu. Perkara ini akan dikaji jika tidak ada pilihan lain untuk membuat perancangan seterusnya.

Mengenai bangunan yang berhampiran Sekolah Rendah Danau bagi kemudahan kantin dan tempat duduk untuk berehat memang telah diusahakan untuk diroboh kerana kerja tidak menepati kontrak.

Mengenai bangunan lama 40 tahun di Kampung Danau, cadangan untuk menjadikan sebagai bangunan bersejarah, usul/cadangan itu mungkin dapat dibawa ke kementerian berkenaan untuk menimbangkan sama ada bangunan tersebut boleh dijadikan sebagai bangunan *heritage* kerana ia menepati kriteria untuk ia diakui sebagai bangunan yang bersejarah.

Mengenai padang sekolah yang tidak dapat digunakan, perkara ini diambil maklum. Memanglah setengah-setengah padang kitani di kawasan tertentu, di kawasan yang rendah apabila sering ditimpa hujan maka ia akan menjadi banjir dan padangnya walaupun nampak kering dari luar tapi apabila digunakan oleh pelajar-pelajar kawasan yang sebenarnya becak dan bertakung air.

Perkara ini, diambil ingatan oleh Kementerian Pendidikan dan usaha akan diambil bagi memastikan supaya padang-padang ini dapat digunakan oleh pelajar-pelajar. Memangnya dari awal setiap sekolah itu disediakan padang untuk kanak-kanak bermain tetapi oleh sebab keadaan-keadaan tertentu maka padang-padang itu terbiar dan bukan sahaja sebuah dua buah sekolah, banyak

sekolah yang mempunyai padang seperti ini padang-padangnya tidak dapat digunakan.

Cadangan mengenai penggunaan peruntukan di bawah Pendidikan dan Vokasional sama ada boleh digunakan untuk pertandingan *CIPTA*, dalam mempamerkan produk-produk yang dibuat oleh pelajar-pelajar kitani *Made in Brunei*, hal ini akan diteliti dan jika ada peruntukannya yang dapat digunakan, إِنَّهُ أَنَّهُ akan digunakan untuk tujuan seperti ini. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan Yang Berhormat.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Saya persilakan Yang Berhormat Dayang Siti Rozaimeryanty binti Dato Seri Laila Jasa Haji Abdul Rahman.

**Yang Berhormat Dayang Siti Rozaimeryanty binti Dato Seri Laila Jasa Haji Abdul Rahman:** بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ آللَّاَكَمْ تَلَيْكُمْ وَرَبُّكُمْ اللَّهُ أَكْبَرُ  
and salam sejahtera. Yang Berhormat Pengerusi. Kaola ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri Pendidikan atas mukadimah Yang Berhormat. Menyusul Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pendikar Alam Dato Paduka Seri Awang Haji Hasrin bin Dato Paduka Haji Sabtu mengenai dengan Pendidikan Khas.

Menurut maklumat yang diperolehi, masih terdapat segolongan pelajar Berkeperluan Khas yang masih tidak bersekolah dan ada juga yang hanya ke sekolah sebagai pelajar sambilan iaitu beberapa hari dalam seminggu dan untuk beberapa jam sahaja. Jika dikaji kebanyakan pelajar ini terdiri daripada mereka yang mempunyai tahap keperluan khas yang tinggi dan mencabar. Ini termasuk pelajar-pelajar *autisme* dan pelajar-pelajar yang

menghadapi masalah fizikal tahap tinggi contohnya pelajar yang di *diagnose cerebral palsy*. Di antara sebab-sebab perkara ini berlaku ialah:

1. Persekutaran sekolah dan bilik darjah yang tidak memenuhi keperluan khas pelajar;
2. Jumlah guru *SENA (Special Education Needs Assistance)* adalah terhad jika dibandingkan dengan bilangan tahap keperluan murid di sekolah; dan
3. Guru-guru yang tidak memiliki kemahiran yang mengajar untuk menangani masalah tingkah laku dan keperluan *sensory* (deria) pelajar-pelajar tersebut.

Memandangkan kepada cabaran-cabaran tersebut, sistem sumber dan persekitaran sekolah yang ada pada masa ini mungkin tidak mampu untuk membolehkan pelajar-pelajar yang dimaksudkan untuk bersekolah dengan sepenuh masa dan beroleh manfaat daripadanya. Keperluan pelajar-pelajar ini hanya dapat dipenuhi dengan adanya Sekolah Khas yang menyediakan Kurikulum Khusus untuk membolehkan mereka mencapai kejayaan mengikut tahap kebolehan mereka yang maksimum.

Sejauh manakah keberkesanan pendidikan inklusif yang diukur dari segi kualiti dan bukannya kuantiti? Adakah sistem pendidikan inklusif mampu memenuhi semua keperluan golongan pelajar yang Berkeperluan Khas terutama sekali yang Berkeperluan Khas tahap tinggi? Adakah peruntukan perbelanjaan

cukup disediakan untuk meningkatkan taraf guru dan kemudahan sekolah?

Yang Berhormat Pengerusi, kaola berhenti dahulu arah soalan pertama sebelum kaola meneruskan soalan dua sebab soalan kaola ini beranak-anak.

**Yang Berhormat Menteri Pendidikan:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan terima kasih kepada Yang Berhormat atas soalan-soalan tersebut.

Pertama, mengenai kanak-kanak Berkeperluan Khas ini yang masih banyak tidak bersekolah dan ada yang belajar secara *part time* sahaja (secara sambilan. Perkara ini memang diakui wujud dan kalau dibanding dengan dulu-dulu mereka ini dalam *proceed* bertapuk oleh ibu bapa mereka tidak keluar rumah dan sebagainya. ﷺ dengan adanya usaha pihak Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan disokong kuat oleh Kementerian Pendidikan melalui Unit Pendidikan Khas maka kanak-kanak sedemikian sudah mula berani bersekolah dan ibu bapa telah pun membawa mereka ini ke sekolah tanpa segan-segan lagi.

Baru-baru ini pihak Kementerian Pendidikan telah pun mengadakan jerayawara, memaklumkan kepada ibu bapa dan orang ramai apa dia kemudahan-kemudahan ataupun program-program yang ada yang dilakukan di bawah UPK (Unit Pendidikan Khas) bagi kanak-kanak sedemikian supaya mereka ini tampil ke hadapan dan ikut belajar dengan pelajar-pelajar lain.

Daripada sambutan orang ramai, banyak yang sudah sekarang mengetahui bahawa ada program-program tertentu yang diadakan di sekolah-sekolah yang dikendalikan oleh Unit Pendidikan Khas bahawa kanak-kanak mereka walau macam manapun tahap keperluan mereka memang dapat ditangani oleh pihak sekolah ataupun guru itu.

Sebelum kaola terlanjur dengan cakap-cakap begini Yang Berhormat Pengerusi, harus jua diingati bahawa tidaklah dapat kitani memenuhi semua kehendak pelajar tersebut ataupun ibu bapa tersebut sebagaimana yang telah dinyatakan oleh Yang Berhormat tadi jua kerana kita masih mempunyai cabaran tertentu seperti kekurangan guru ataupun kekurangan bilik-bilik khas, misalannya ada kanak-kanak kitani yang berkerusi roda untuk menempatkan mereka di kelas atas di tingkat 1 sahaja sudah menyulitkan sebabnya mereka berkerusi roda. Jadi harus diaturkan mereka itu dapat kelas di tingkat bawah sahaja. Jika mereka sentiasa di tingkat bawah, kemungkinan terpaksa diubah suai sedikit keadaan penjadualan sekolah dan sebagainya.

Walau macam manapun, dalam kes seperti ini, pihak Kementerian Pendidikan mengambil perhatian dan usaha-usaha telah pun diambil bagi memastikan bahawa kanak-kanak tersebut yang menggunakan kerusi roda tidak perlu naik tangga, kerana sekolah kitani tidak ada *lift*, kalau sekolah ada *lift* itu lain ceritanya. Sekolah-sekolah yang lama memang tidak ada kemudahan *ramp* untuk mereka naik turun menggunakan kerusi roda. Itu satu isu yang ditangani oleh pihak Kementerian Pendidikan.

Berbalik kepada isu mengenai guru-guru, memanglah kita menghadapi masalah guru-guru *SENA* yang kurang dari segi bilangan seperti mana yang telah kaola nyatakan kurang dari segi kemahiran dan walau macam manapun pihak Kementerian Pendidikan melalui Unit Pendidikan Khas telah pun mengadakan berbagai-bagai kursus memberi guru-guru ini kemahiran yang diperlukan bagi menjaga kanak-kanak yang Berkeperluan Khas.

الحمد لله melalui kursus-kursus ini mereka telah pun dapat melayan pelajar-pelajar sedemikian walaupun tidak sepenuhnya. Tetapi dalam perancangan Unit Pendidikan Khas mereka ini masih diberi kursus seperti ini dan terus dijalankan setiap masa agar lebih banyak lagi guru kitani ataupun guru-guru bukan dalam bidang ini pun diberi latihan yang secukupnya untuk mereka dapat menjaga kanak-kanak sedemikian. Pendek kata dari segi Kementerian Pendidikan usaha untuk membantu kanak-kanak ini supaya menjadikan *inclusive education* itu satu *system education* yang berjaya terus diusahakan walaupun mempunyai cabaran-cabaran yang tertentu seperti guru dan sebagainya. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

### **Yang Berhormat Dayang Siti Rozaimeryanty binti Dato Seri Laila**

**Jasa Haji Abdul Rahman:** Terima kasih Yang Berhormat. Soalan kaola yang kedua mengenai peningkatan kakitangan akademik di Pengajian Tinggi dan Pendidikan, Teknikal dan Vokasional cuma abis kaola tidak tahu di mana nombor kod akaun Yang Berhormat. Semasa muzakarah bersama

Kementerian Pendidikan kaola sudah membawa perkara ini, yang kaola bawa pada masa itu mengenai ramai guru yang mengajar di Institut Pengajian Tinggi, Teknikal dan Vokasional masih lagi kekurangan pendedahan di sektor industri seperti pembinaan.

Yang Berhormat ada menekankan mengenai *Teacher's Professional Development Framework*. Diminta kalau dapat Yang Berhormat memberi penjelasan:

1. Adakah peruntukan perbelanjaan khususnya disediakan untuk peningkatan perkembangan di bahagian Pengajian Tinggi, Pendidikan, Teknikal dan Vokasional? kalau dilihat dari Institut Pendidikan Teknikal di bawah 005-006 – Pengurusan dan Perancangan Sumber Manusia hanya disediakan \$55,806.00. Mungkin bukan di sana kod akaunnya, mungkin Yang Berhormat dapat memberi penjelasan?;
2. Kaola melihat dari bajet Pemeliharaan Bangunan dan Aset bagi Sekolah Vokasional cuma disediakan \$83,393.00, memandangkan *IBTE* ada mengandungi 7 buah sekolah di seluruh negara. Adakah ia mencukupi dari segi pemeliharaan bangunan?; dan
3. Pembimbingan juga dibangkitkan mengenai Peruntukan Perbelanjaan UNISSA, UTB yang peruntukannya 1/3 dibandingkan dengan

peruntukan UBD. Manakala, Politeknik dalam ¼ daripada peruntukan UBD. Sejauh manakah pencapaian Wawasan Brunei 2035 dari segi berpelajaran tinggi dan berkemahiran tinggi diukur dengan *standard* antarabangsa tertinggi. Terima Kasih Yang Berhormat.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Sebelum Yang Berhormat menjawab soalan itu, saya memberikan kesempatan bagi Yang Berhormat untuk meneliti soalan-soalan yang berkenaan dan mungkin berunding dengan pegawai-pegawai Yang Berhormat. إِنَّمَا Yang Berhormat akan menjawabnya dalam kita bermesyuarat yang akan datang ini.

**Yang Berhormat Dayang Siti Rozaimeryanty binti Dato Seri Laila Jasa Haji Abdul Rahman:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Kita telah mendengar beberapa persoalan yang dikemukakan oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat dan telah pun dijawab dengan begitu jelas oleh Yang Berhormat Menteri Pendidikan. Maka saya mempunyai ramai lagi dalam senarai saya Ahli-Ahli Yang Berhormat yang suka untuk menyertai perbincangan ini, maka saya berpendapat ada baiknya Mesyuarat Jawatankuasa sepenuhnya ini kita tangguhkan dahulu dan kita bersidang semula di Persidangan Majlis Mesyuarat Negara.

**(Mesyuarat Jawatankuasa ditangguhkan)**

**(Majlis Mesyuarat bersidang semula)**

**Yang Berhormat Yang Di-Pertua:** Ahli-Ahli Yang Berhormat. Sekarang kita bersidang semula dalam Persidangan Majlis Mesyuarat Negara. Maka saya mengambil kesempatan ini untuk menangguhkan persidangan kita ini dan akan bersidang semula إِنَّمَا pada hari Sabtu, 11 Mac 2017 pukul 9.00 pagi. وَبِاللَّهِ التَّوفِيقُ وَالْهَدَىٰ وَالسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ Sekian

**(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)**